

CAWANGAN PEMAKANAN KOMUNITI DAN INTER AGENSI

SEKTOR KAWALAN OBESITI DAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT BERKAITAN PEMAKANAN
<p>1. Mengenalpasti, merangka dan membangunkan polisi berkaitan obesiti berdasarkan Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Obesiti Di Malaysia</p> <p>2. Pelaksanaan polisi-polisi bersesuaian, boleh dilaksanakan serta mampu memberi impak yang tinggi kepada kumpulan sasaran untuk menurunkan prevalen obesiti di Malaysia.</p> <p>3. Pembangunan dan pelaksanaan program/ aktiviti intervensi khusus bagi menangani masalah obesiti di sekolah/ komuniti/ tempat kerja.</p> <p>4. Pembangunan dan advokasi garis panduan, SOP, modul latihan dan bahan pendidikan berkaitan intervensi obesiti di sekolah/ komuniti/ tempat kerja.</p> <p>5. Pengadaptasian <i>Best Practice Model</i> antarabangsa yang bersesuaian dalam menangani masalah obesiti dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan.</p> <p>6. Perundingan dan rujukan teknikal dalam menangani masalah dan isu-isu berkaitan obesiti di peringkat sekolah/ komuniti/ tempat kerja.</p> <p>7. Pemerkasaan PIBG/ komuniti/ pekerja dalam aspek pengurusan berat badan dan pencegahan obesiti serta penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan di peringkat sekolah/ komuniti/ tempat kerja.</p> <p>8. Peluasan kesedaran bagi memperkukuh pengetahuan dan kemahiran anggota kesihatan dalam menangani masalah obesiti dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan.</p> <p>9. Kolaborasi pintar dengan pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk pertubuhan antarabangsa, ahli akademik dan badan profesional dalam aspek pencegahan obesiti di tempat kerja dan sekolah.</p> <p>10. Memantapkan program pencegahan dan intervensi masalah obesiti dengan menambah nilai program atau aktiviti sedia ada di peringkat sekolah/ komuniti/ tempat kerja.</p>

SEKTOR KOLABORASI INDUSTRI
<p>*Peluasan dan pemantapan advokasi penyusuan susu ibu, makanan pelengkap dan Tata Etika Pemasaran Produk Makanan Bayi dan Produk Berkaitan melalui latihan termasuk bersama Pusat Laktasi Kebangsaan dan pemerkasaan kumpulan sokongan susu ibu.</p> <p>*Pelaksanaan Tata Etika Pemasaran Produk Makanan Bayi dan Produk Berkaitan peringkat kebangsaan.</p> <p>*Kolaborasi pintar dengan pelbagai pihak termasuk pertubuhan antarabangsa, badan profesional, kumpulan sokongan penyusuan susu ibu dan industri berkaitan dalam pemantapan pelaksanaan Tata Etika Pemasaran Produk Makanan Bayi dan Produk Berkaitan</p> <p>*Pengadaptasian konsep spiral model (<i>win-win-win partnership</i>) bagi memperkukuh <i>mutual understanding</i> dalam mewujudkan persekitaran kondusif bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> *Pemilihan produk makanan dan minuman lebih sihat di pasaran. *<i>Reformulate</i> produk makanan dan minuman mengikut sasaran global seperti gula, garam dan lemak. *Mempelbagaikan pemilihan penjualan makanan dan minuman lebih sihat di pasaran seperti hotel, R & R, restoran termasuk franchais, makanan segera dan restoran 24 jam. <p>*Pembangunan <i>nutrient profiling</i> melalui kolaborasi pintar (<i>smart partnership</i>) dengan industri produk makanan dan minuman.</p> <p>*Advokasi konsep tanggungjawab bersama dengan pihak industri makanan dan minuman dalam penerapan elemen pemakanan sihat di kalangan masyarakat seperti penerbitan iklan, <i>pledge</i> dan sebagainya.</p> <p>*Perundingan bersama pihak industri dalam rujukan teknikal pemakanan dan aspek nilai nutrien bagi penghasilan produk makanan dan minuman yang lebih sihat seperti <i>Healthier Choice Logo</i>, <i>Front of Pack labelling</i> dan sebagainya.</p> <p>*Sebagai <i>relevant authority</i> bagi pelaksanaan <i>Healthier Choice Logo (HCL)</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Sumber rujukan pusat sehati bagi inisiatif <i>Healthier Choice Logo (HCL)</i> di Malaysia. -Perkongsian teknikal dan penerapan pengalaman dalam implementasi <i>Healthier Choice Logo</i> di peringkat antarabangsa. -Pelaksanaan tinjauan pasaran dan menganalisis kandungan nutrien mengikut kategori produk makanan dan minuman bagi penetapan kriteria nutrien. -Penetapan kriteria nutrien mengikut kategori produk makanan dan minuman bagi tujuan kelayakan pengiktirafan HCL. -Advokasi pelaksanaan HCL di Malaysia. -Penapisan produk dan bahan pendidikan terbitan pihak industri makanan dan minuman melalui Jawatankuasa Bersama Pelaksanaan HCL. -Sebagai badan yang meluluskan produk makanan dan minuman yang memohon pengiktirafan <i>Healthier Choice Logo (HCL)</i>

SEKTOR PEMAKANAN INSTITUSI
<p>Perancangan, pembangunan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian program bagi keperluan pengurusan pemakanan kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas yang berada di institusi jagaan dan tahanan. Contoh: pengurusan dan pemantauan pemakanan di TASKA, Penjara, Depot Tahanan, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), rumah kebajikan warga emas dan lain-lain institusi kerajaan dan swasta.</p> <p>Perkhidmatan Konsultasi Pemakanan di institusi jagaan dan kanak-kanak yang melibatkan kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas melalui pelbagai platform seperti media massa, agensi kerajaan, swasta atau NGO dengan kaedah advokasi, perundingan, khidmat nasihat pemakanan dan latihan. Contoh: penyediaan menu seragam di institusi jagaan, kebajikan dan tahanan, bengkel pemantapan pendidikan pemakanan serta penilaian fakta produk makanan.</p> <p>Pengurusan sumber pelaksanaan program dan aktiviti berdasarkan keperluan semasa warga institusi. Contoh: pengurusan kewangan, pelan tindakan, garis panduan dan modul latihan.</p> <p>Menjalankan fungsi unit di setting berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) 2. Rumah Kebajikan Warga Emas 3. Rumah Kebajikan Kanak-kanak 4. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) 5. Penjara / Sekolah Juvana / Sekolah Pemulihan Akliah 6. Lokap polis 7. Depot Tahanan 8. Rumah Pelindungan Wanita 9. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) 10. Lain-lain institusi

SEKTOR PERKHIDMATAN DAN ADVOKASI PEMAKANAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan konsep perkongsian pintar (<i>smart partnership</i>) bersama-sains intra dan inter agensi bagi implementasi amalan makan secara sihat di peringkat Komuniti. 2. Memperluaskan maklumat pemakanan sihat dalam meningkatkan kesedaran dan perubahan tingkah laku ke arah amalan pemakanan sihat di kalangan masyarakat melalui jayawara (<i>roadshow</i>), kempen kamisul, Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya dan Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia dan sebagainya. 3. Pemerkasaan komuniti dalam aspek pengetahuan dan kemahiran mengenai penyediaan makanan dan hidangan sihat serta selamatkan melalui penglibatan secara <i>hands on</i> di setting Dapur Sihat Masyarakat. 4. Pemantapan Pusat Maklumat Pemakanan sebagai tempat rujukan komuniti untuk mendapatkan maklumat pemakanan. 5. Pemerkasaan komuniti sebagai agen transformasi ke arah amalan makan secara sihat melalui pelbagai strategi seperti KOSPEN. 6. Pembentukan bahan rujukan, Prosedur Operasi Standard (SOP), Garis Panduan untuk kegunaan Profesional / Anggota Klinik Kesihatan. 7. Menjalankan latihan berkaitan pemakanan klinikal kepada Profesional / Anggota Klinik Kesihatan. 8. Memantau pelaksanaan perkhidmatan pemakanan di klinik kesihatan. 9. Perundingan dan sokongan teknikal dalam aspek perkhidmatan pemakanan di klinik kepada Profesional / Anggota Klinik Kesihatan. 10. Menwujudkan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan dan institusi dalam pembangunan dan pelaksanaan program serta latihan pengkhususan bidang pemakanan klinikal. 11. Menyelaraskan dan Membentuk bahan pendidikan untuk tujuan hebahkan maklumat amalan pemakanan sihat melalui media 12. Hebahkan maklumat amalan pemakanan sihat berdasarkan fakta saintifik melalui medium komunikasi seperti media sosial, elektronik dan cetak 13. Pembangunan pusat rujukan maklumat pemakanan atas talian seperti aplikasi telefon pintar MyNutriDiari dan portal bagi mempertingkatkan amalan makan secara sihat